

قیٰت فیٰق
PETIKAN TITAH

"SEBAGAI peneraju masa depan, golongan belia kita tidaklah boleh menampakkan sikap serta imej yang tidak serasi dengan 'calak bangsa'. Kehidupan beragama misalnya, adalah ciri khusus kita. Di samping itu, hidup dikandung adat juga adalah merupakan budaya yang berharga. Dalam wadah budaya, orang Brunei masih saja palikat dengan nilai-nilai berawar galat, menghormati orang tua, lutanan dan tidak camah mata. Nilai-nilai inilah yang membawa kita bangun dan disegani." - Titah sempena sambutan Hari Belia Kebangsaan pada 7 Rejab 1427 / 1 Ogos 2006.

Pelita
پلیٰٹا
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



مانیسٰ ایمان
MANISNYA IMAN

"KALAU sungguh kamu beriman kepada Allah, maka hendaklah kamu berserah diri kepada-Nya, jika betul kamu orang-orang Islam yang berserah diri bulat-bulat kepada Allah." Firman Allah Subhanahu. Wata'ala dalam Surah Yunus ayat 64.

TINJAUAN

Hari Belia Kebangsaan 1 Ogos

HARI ini, 1 Ogos adalah hari yang bersejarah bagi belia di seluruh negara iaitu Sambutan Hari Belia Kebangsaan 2007. Para belia adalah menjadi kebanggaan negara. Mereka adalah golongan yang dianggap mampu mencorakkan masa depan serta juga selaku penerus kesinambungan cita-cita bangsa.

Hari ini juga bertepatan sejarah yang tetap dalam ingatan rakyat dan penduduk negara ini iaitu Hari Perpusaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu ketika baginda berusia 22 tahun.

Kira-kira 4,700 orang belia yang mewakili pelbagai persatuan, institusi pengajian tinggi, sekolah-sekolah vokasional dan badan-badan sukarela berhimpun di Kompleks Sukan Negara Stadium Tertutup Hassanal Bolkiah Berakas, sama-sama meraikan sambutan dengan aktiviti-aktiviti yang bermakna dan memberi peluang kepada mereka berinteraksi dan bertukar-tukar pandangan dan pendapat dari pelbagai aspek.

PENGIKTIRAFAN

Menurut Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman ketika ditemui, menjelaskan sambutan Hari Belia Kebangsaan merupakan satu pengiktirafan negara kepada belia yang mana melalui menggambarkan pemedulian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan menyediakan kemudahan-kemudahan prasarana, infrastruktur, keperluan dan bantuan yang bersesuaian kepada para belia di samping memberikan motivasi kepada pemimpin belia untuk memberikan sumbangan mereka kepada pembangunan negara.

Ini juga sangat bertepatan seperti yang diharapkan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejah Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad agar Jabatan Belia dan Sukan selaku pengajur sambutan, supaya menumpukan program yang lebih 'sustainable' dengan berpandukan titah baginda di sambutan Hari Belia tahun 2006 bagi mewujudkan belia kebanggaan negara, belia yang mampu mencorakkan masa depan, penerus kesinambungan cita-cita, belia sebagai aset berharga dalam konteks 'nation building' dan belia penyumbang aktif di bidang kesukarelaan.

Menurut Pemangku Setiausaha Tetap lagi, sambutan hari ini ialah pengurniaan Anugerah Pemimpin Berjasa, Anugerah Khidmat Negara, Anugerah Usahawan Belia dan Anugerah Persatuan Berjasa. Menyentuh mengenai tema tahun ini ialah 'Iltizam Belia Memperkasa Keupayaan Bangsa' kerana ianya lebih menekankan



keadaan belia supaya lebih berlitzam demi pembangunan negara.

UKHUWAH

Dengan berlangsungnya sambutan yang bersejarah ini akan menjadi ristaan para belia kita ke arah meningkatkan serta memajukan lagi badan-badan kesukarelaan belia di negara ini, di samping itu ianya bertujuan untuk mengeratkan persefahaman dan meningkatkan ukhwah para belia di seluruh negara.

Hari Belia Kebangsaan ini telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena ulang tahun Hari Keputeran baginda pada 15 Julai 2002. Baginda berkenan memperuntukkan agar mengisyiharkan satu hari khas yang disebut sebagai Hari Belia Kebangsaan seperti yang termaktub dalam Dasar Belia Negara.

Hari Belia Kebangsaan Pertama telah diisytih-

Oleh :
Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
fatimah.noor@information.gov.bn
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman menjelaskan sambutan Hari Belia Kebangsaan merupakan satu pengiktirafan negara kepada belia.

arkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Ogos 2006, di mana baginda telah berkenan menyempurnakan Anugerah Pemimpin Belia Berjasa kepada lapan orang penerima terdiri daripada pemimpin-pemimpin belia yang telah menggerakkan badan-badan sukarelawan belia kepada

pembangunan belia di negara ini.

Pemimpin Belia Berjasa ialah Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Dr. Haji Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Moktar Puteh bin Pengiran Haji Rajid, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Di-gadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Utama Dato Paduka Haji Awang Jaya bin Abdul Latif, Pengiran Dato Paduka Haji Badaruddin bin Pengiran Ghani dan Pengiran Suhaimi bin Pengiran Wahid.

Negara terus memerlukan para belia yang produktif, responsif, inovatif, kreatif dan mempunyai

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja berkenan bergambar kenangan bersama penerima-penerima Anugerah Pemimpin Belia Berjasa sempena Hari Belia 1 Ogos 2006.

serba-serbi kemahiran dalam membangunkan bangsa dan negara. Dengan pelancaran Hari Belia Kebangsaan, semua warga belia kita akan terus bekerja keras dalam membela nasib bangsa. Sebagai peneraju masa depan, golongan belia kita tidak boleh menampakkan sikap serta imej yang tidak serasi dengan 'calak bangsa'.

MBB

Kita juga sepatutnya menyantun tinggi pengorbanan belia yang kini dianggarkan berjumlah 162,600 yang berumur dari 15 hingga 40 tahun iaitu 79,700 lelaki atau 22.8 peratus dan 82,900 (23.8 peratus) terdiri dari perempuan. Ternyata, nisbah belia merupakan separuh daripada 'jalama' negara ini. Ini bermakna, peranan mereka cukup besar dalam mencorakkan landskap pembangunan dan kemajuan negara.

Setelah hampir 47 tahun sejak 1959 pergerakan belia diwujudkan, para belia negara telah berjaya menyahan dan memikul tanggungjawab dalam mencemerlangkan dan membawa negara kita ke mercu kejayaan seperti yang kita nikmati sekarang. Sumbangan mereka terhadap 'nation build-

ing' bukan sahaja menggalakkan tetapi secara langsung mencemerlangkan dan menaikkan imej negara di pelukuk dunia.

Majlis Belia-Belia (MBB) berasal dari sebuah badan belia yang dikenali sebagai Majlis Pemuda dan Pemudi Brunei (MPPB) yang ditubuhkan pada tahun 1956. MPPB dipelopori oleh Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim (YAM Pengiran Setia Negara Pengiran Dr. Haji Mohd. Yusof). Kemudian MPPB dipimpin oleh Pengiran Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid (YAM Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Moktar Puteh bin Pengiran Haji Rajid).

Atas usaha kedua-dua pemimpin ini pada tahun 1963, MPPB diterima sebagai ahli gabungan bagi Perhimpunan Belia Sedunia iaitu World Assembly for Youth (WAY). Dengan keanggotaan MPPB dalam WAY telah bekerjasama dan menerapkan kesefahaman antarabangsa. Pada tahun 1964, nama MPPB yang ketika itu dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz menjadi Majlis Belia

Brunei (MBB). Dasar dan tujuan MBB tidak berubah, ianya tetap sama malah lebih merupakan kesinambungan MPPB serta mengemas kinikan lagi pergerakan belia sesuai dengan keadaan.

MBB merupakan indul kepada seluruh persatuan belia yang wujud di Negara Brunei Darussalam. MBB adalah gabungan persatuan-persatuan belia dan badan-badan kebajikan yang berdaftar setelah mendapat kelulusan daripada Pendaftaran Pertubuhan-Pertubuhan Negara Brunei Darussalam.

Menurut siaran Akbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI keluaran 13 April 1966 terdapat sejumlah 43 persatuan belia telah didaftarkan dengan pecahan 27 buah di Daerah Brunei dan Muara termasuk MBB; sembilan buah di Daerah Tutong; lima buah di Daerah Belait dan dua buah di Daerah Temburong setakat ini terdapat 90 buah persatuan bergiat aktif di negara ini.

Ketahanan MBB dalam menghadapi cabaran dari semasa ke semasa sepanjang tahun 1960-an membawa ke tahun 1980-an membuktikan tentang kewibawaan dan keprihatinan pemimpin-pemimpinnya dalam memperjuangkan kebajikan dan cita-cita belia tanah air untuk sama-sama berganding bahu dengan kerajaan ke arah kesejahteraan bersama.

Inilah barisan belia negara kita yang merupakan aset bernilai akan dipertemukan dalam Hari Belia Kebangsaan, kerana mereka adalah pewaris yang akan meneruskan kesinambungan pembangunan negara. Belia-belia yang mapan dalam akademik, kemahiran dan jati diri adalah perlunya untuk menyumbang secara positif kepada kecemerlangan dan mengukuhkan ekonomi serta masa depan negara.

IKRAR BELIA

Dengan bersyukur Ke Hadrat Allah Subhanahu Wata'ala Kami Belia Negara Brunei Darussalam Berikrar

Taat Kepada Allah
Setia Kepada Raja
Cinta Kepada Negara

Mendukung Kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Mempertahankan Kedaulatan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Melayu Islam Beraja

Mematuhi Perlembagaan Negara, Undang-undang, Berakhlik Mulla dan Terpuji.

IKRAR BELIA ... Perlu disemai, disematkan di jiwa belia-belia.



SAMBUTAN Hari Belia Kebangsaan berjaya mewujudkan belia kebanggaan negara, belia yang mampu mencorakkan masa depan, penerus kesinambungan cita-cita, belia sebagai aset berharga dalam konteks 'nation building' dan belia penyumbang aktif di bidang kesukarelaan.

BERAKAS, Rabu, 25 Julai. - Belia yang memiliki keimanan yang teguh akan dapat memikirkan perkara-perkara yang baik dan positif, di samping bertindak berlandaskan akal fikiran yang matang.

Dengan memiliki keimanan juga akan menjadikan individu belia untuk lebih bertanggungjawab terhadap diri sendiri, keluarga, jiran, negara, kerjaya dan sebagainya. Belia yang bertanggungjawab dan beriman akan dapat menyedari kepentingan peranan mereka selaku aset negara dan bakal menerajui kesinambungan pentadbiran negara.

Perkara itu dinyatakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud dalam pembentangan kertas kerja yang bertajuk 'Membentuk Belia yang Beriman untuk Menjadi Generasi yang Cemerlang' di Majlis Seminar Motivasi Masyarakat Beraqidah 2007 bersama-sama sambutan perayaan Hari Keputraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-61 Tahun yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas di sini.

Yang Berhormat menjaskan, belia adalah aset negara yang amat berharga dan belia juga adalah penerus kesinambungan masa depan pembangunan negara.

Menurut Yang Berhormat, belia dianggap sebagai aset yang berharga kerana kemajuan dan kemakmuran negara masa depan adalah bergantung kepada komitmen dan sumbangsih yang diberikan oleh mereka, oleh itu masa depan negara adalah terletak kepada keupayaan serta peranan yang mereka mainkan dalam memastikan pembangunan negara sentiasa terjamin.

Ini selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara 2007 yang mana baginda menekankan supaya para belia perlu mesra dengan agama dan kaya dengan unsur-unsur budaya yang sihat.

"Beta adalah menginginkan satu masyarakat belia yang konsisten kepada amalan-amalan beragama, kepada budi

pekerji yang mulia, serta sentiasa memahami akan harga diri mereka selaku aset negara. Para belia perlu mesra dengan ugama dan kaya dengan unsur-unsur budaya yang sihat," titah baginda.

Selain itu Yang Berhormat juga menyentuh mengenai dengan cabaran-cabarannya yang dihadapi oleh belia-belia kita di mana kata-kata, kita sekarang sedang berdepan dengan era globalisasi yang menimbulkan gaya kehidupan yang semakin mencabar.

Ini jelas Yang Berhormat, banyak mempengaruhi cara hidup golongan belia dalam masyarakat yang berteraskan nilai-nilai budaya dan adat resam tempatan.

"Pengaruh media massa dan media elektronik [tv dan internet] telah banyak menyumbang kepada kererosotan penghayatan nilai-nilai murni budaya tempatan di kalangan belia dan banyak cara hidup yang dianggap tidak sesuai dan bercanggah dengan budaya kehidupan tempatan sering dikaitkan dengan golongan belia," tambahnya.

Masalah ini timbul, pada hemat Yang Berhormat, menghorangi dan mengamalkan ciri-ciri budaya seperti berbudi bahasa, bersopan santun dan menghormati orang tua harus mendasari kehidupan para belia, ciri-ciri budaya yang mencerminkan keperibadian dan identiti bangsa ini juga harus dimiliki antara batu dan angkat ke suatu tahap yang dapat melahirkan anggota masyarakat yang telik budaya dan mencintai seni budaya yang tinggi.

Kesimpulannya jelas Yang Berhormat, dengan memiliki keimanan yang teguh, kedewasaan minda, dan semangat patriotik yang tinggi, masyarakat belia akan lebih matang dan bijaksana dan penyumbang bermakna dan bertanggungjawab ke arah kemajuan serta kemakmuran kehidupan.

Dalam konteks untuk mendewasakan belia yang bertanggungjawab

Belia perlu memiliki keimanan teguh bertanggungjawab kepada negara



MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA SERI DEWA MEJAR JENERAL (B) DATO SERI PAHLAWAN HAJI AWANG MOHAMMAD BIN HAJI DAUD.

kata Yang Berhormat, mereka akan dapat berfikir dan pemikul peranan sebagai aset negara dan mereka juga proaktif dan bukannya pemerhati pasif terhadap mana-mana pelaksanaan tugas serta tanggungjawab dalam pembangunan negara.

Ini juga adalah selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam tahun 1987, yang antara lain, bertitah:

"Beta ingin mengambil kesempatan ini untuk meneriak kepada belia-belia di Negara Brunei Darussalam pada amnya supaya tampil ke hadapan menyahut dan pemikul seruan-seruan dan aspirasi kerajaan. Di dalam proses membangun bangsa, agama dan negara lanya adalah juga bergan-

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
jefferi.durahman@information.gov.bn

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

tung kepada tenaga mental serta fizikal dan kesedaran belia-belia di dalam negeri memikul tanggungjawab. Belia-belia adalah penggerak dan pendukung kepada semua dasar dan matlamat kerajaan untuk membawa bangsa dan negara ke arah keamanan, perpaduan, kemajuan dan kemakmuran hidup."

Yang Berhormat, juga menyentuh mengenai masalah sosial yang melibatkan belia di bawah umur 18 tahun, di mana katanya, berdasarkan kajian yang dibuat oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat masalah sosial yang melibatkan belia di bawah umur 18 tahun pada tahun 2002 - 2006 menunjukkan kes-kes seperti mencuri, seks di bawah umur, penyalahgunaan dadah, merosakkan harta benda dan pecah rumah dan daripada semua kes tersebut, kes mencuri adalah yang paling tinggi dan diikuti oleh kes penyalahgunaan dadah, manakala penglibatan belia dalam lingkungan usia 12 - 25 tahun dalam kegiatan yang tidak bermoral, kajian itu mendapati kes khalwat adalah yang paling tinggi dan diikuti oleh kes persetubuhan haram.

Berdasarkan kajian itu, walaupun bukan menggambarkan tred gejala sosial sebahagian besar golongan belia, tetapi sudah menampakkan gejala sosial yang membimbangkan.

mereka mendapat asas-asas pendidikan yang sempurna dan menunjukkan contoh teladan yang baik.

Yang Berhormat berkata, keberkesanannya untuk melahirkan generasi belia yang beriman dan cemerlang adalah masalah keruntuhan institusi keluarga seperti penceraian ibu bapa, ibu bapa yang terlibat dengan dadah dan juga masalah kesuntukan kewangan untuk menyara kehidupan.

Jabatan Pembangunan Masyarakat jelas Yang Berhormat juga membuat kajian ke atas remaja-remaja perempuan yang bermasalah yang ditempatkan di Taman Nor Hidayah, yang mana kajian tersebut mendapati punca remaja-remaja perempuan yang bermasalah adalah keluarga yang kurang stabil (74 peratus), kemiskinan (46 peratus) dan keluarga besar (33 peratus). Dan ini jelaslah bahawa keluarga yang kurang stabil merupakan punca utama masalah di kalangan remaja perempuan.

Daripada kajian yang dibuat jelas tambah Yang Berhormat menekankan bahawa keruntuhan rumah tangga akan menimbulkan risiko belia-belia yang bermasalah.

Yang Berhormat menggaskan, penerapan nilai-nilai mulia dan ajaran-ajaran agama perlu bermula dari rumah dan institusi keluarga perlu kukuh.

Yang Berhormat juga menekankan kepada ibu bapa adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan anak-anak yang perwakilan pelbagai institusi dan ahli masyarakat.

Apa yang jelas tambah Yang Berhormat, keluarga, khususnya kedua-dua ibu bapa, memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan awal jati diri belia yang baik dan mantap dan anak yang dilahirkan dalam keadaan suci bersih itu adalah suatu amanah dan terpulang-lah kepada ibu bapa untuk mencorak kehidupannya ke arah kebaikan atau sebaliknya.

Seminar Motivasi Masyarakat Beraqidah yang diadakan selama dua hari ini adalah dihasratkan sebagai satu forum pertemuan para cendekiawan, penyelidik dan ulama dan masyarakat umum untuk bersama-sama menggembangkan tiga dan fikiran ke arah menuju beberapa objektif dan ianya melibatkan penyertaan 1,100 orang perwakilan pelbagai institusi dan ahli masyarakat.